

SIARAN MEDIA

Oriental Capital Assurance Berhad ditukar nama kepada Tune Insurance Malaysia Berhad

KUALA LUMPUR, 27 September 2012 – Petang ini, sebuah syarikat insurans am ‘baru’ telah dilancarkan ke dalam pasaran insurans Malaysia: Tune Insurance Malaysia Berhad (TIMB).

Pada Mei 2012, Tune Ins Holdings Berhad telah membeli kepentingan mengawal dalam Oriental Capital Assurance Berhad (OCA). Sejak itu, OCA telah mendapat nafas baru dengan penyertaan beberapa kakitangan pengurusan baru ke dalam pasukan pengurusan yang hebat dan mantap, serta telah melaksanakan sistem baru yang membolehkan syarikat ini melindungi para pengembara AirAsia, dan hari ini telah ditukar nama kepada TIMB berserta logo baru. Selaras dengan rombakan semula menyeluruh ke atas OCA, logo baru TIMB mencerminkan kemodenan, tenaga dan kecergasan. TIMB bersedia untuk memanfaatkan kedudukannya sebagai sebahagian daripada Kumpulan Tune yang dinamik bagi mengembangkan lagi asas pelanggannya yang ada sekarang ini.

”Menjalin perikatan dengan Air Asia dan Kumpulan Tune merupakan satu keputusan yang strategik dan kami sememangnya amat berbesar hati menjadi sebahagian daripada usaha sama ini. Dengan penyertaan kami dalam Kumpulan Tune, kami berada pada kedudukan yang lebih mantap dan dengan sokongan kewangan dan teknologi yang lebih teguh, kami akan lebih berdaya saing dalam pasaran insurans,” kata Daniel Su, Ketua Pegawai Eksekutif TIMB. “Strategi kami bagi tempoh akan datang ialah memanfaatkan asas yang kukuh ini bagi memenuhi keperluan insurans asas pelanggan yang meluas. Itulah kekuatan daya saing kami yang utama.”

OCA telah menjadi penyedia insurans am di Malaysia selama 35 tahun. Syarikat ini telah membekalkan keperluan insurans dalam bidang yang amat khusus seperti Insurans Tenaga, Kapal dan Kejuruteraan, dan telah menyediakan perlindungan kepada beberapa projek

terbesar di negara ini. Ia juga merupakan antara segelintir syarikat insurans Malaysia yang telah dianugerahkan Persijilan ISO 9001:2008. OCA mempunyai seramai kira-kira 1,000 ejen dan 16 cawangan di seluruh negara di setiap negeri di Malaysia kecuali Perlis.

Tan Sri Dr Tony Fernandes, Pengasas Bersama Kumpulan Tune, turut hadir pada majlis pelancaran TIMB. Mengenai pengambilalihan OCA, beliau berkata: “Dengan pengambilalihan ini, kami dilesenkan untuk mengeluarkan polisi dalam semua kelas insurans am di Malaysia merangkumi pelbagai industri dan segmen pelanggan. Kami juga sedang mengadakan perbincangan dengan penyedia insurans am yang lain di pasaran Asia yang lain di mana kami menyediakan perniagaan insurans secara dalam talian (online) dengan tujuan untuk mengunderait polisi insurans di pasaran tersebut dan menyediakan produk insurans am.”

Tan Sri Dr Tony Fernandes menambah bahawa objektif TIMB ialah untuk menawarkan portfolio produk insurans yang terpelbagai dengan tumpuan khusus kepada produk runcit. “Kami akan menggunakan hubungan insurans motor dan insurans perjalanan kami sebagai gerbang untuk memperkenalkan lebih banyak jenis produk insurans kepada para pelanggan kami. Kami akan menggunakan hubungan dalam talian kami untuk memperkenalkan lebih banyak jenis produk langsung yang murah dan mudah (‘no-frills product’),” tambahnya lagi.

TIMB juga akan memanfaatkan saluran pemasaran dalam talian Kumpulan Tune yang telah maju dan mantap untuk menambahnya sebagai saluran alternatif bagi meningkatkan jualan daripada rangkaian agensinya. Menurut Tan Sri Dr Tony Fernandes, TIMB juga merancang untuk menggunakan sistem francais dan broker.

Mengenai Tune Ins Holdings Berhad

Tune Ins Holdings Sdn Bhd diperbadankan pada tahun 2011 dan merupakan anak syarikat Tune Money Sdn Bhd. Pada tahun 2012, Tune Ins Holdings Sdn Bhd telah ditukar kepada syarikat awam dan menggunakan namanya sekarang. Tune Ins Holdings Berhad melalui anak-anak syarikatnya merupakan pengunderait produk insurans am dan insurans hayat

secara langsung dan juga melalui insurans semula di seluruh rantau Asia Pasifik, mengendalikan dua perniagaan utama, perniagaan insurans dalam talian di mana kami menjual produk insurans kepada para pelanggan sebagai sebahagian daripada proses tempahan dalam talian mereka dengan rakan kongsi dalam talian kami, serta perniagaan insurans am, yang pada masa ini hanya di Malaysia, melalui anak syarikat yang kami mempunyai pemilikan sebanyak 83.26%, iaitu Tune Insurance Malaysia Berhad.

Mengenai Tune Insurance Malaysia Berhad

Tune Insurance Malaysia Berhad telah beroperasi di pasaran tempatan selama lebih 35 tahun dan dengan rangkaian 16 cawangan di seluruh negara, ia merupakan salah sebuah syarikat penanggung insurans yang terawal di Malaysia. Tumpuan syarikat ini ialah kepada mereka produk yang baru dan inovatif bagi memenuhi permintaan pasaran yang semakin canggih. Tune Insurance mempunyai asas runcit yang kukuh dan menyertai secara aktif dalam banyak projek pembangunan utama negara dan kini merupakan salah satu peneraju pasaran dalam indemniti profesional, insurans tenaga, kapal dan kejuruteraan. TIMB juga akan memanfaatkan saluran pemasaran dalam talian Kumpulan Tune yang telah maju dan mantap bagi melengkapkan jualan dan pemasaran menerusi rangkaian agensi dan brokernya bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelanggannya.

Butir-butir Hubungan: Untuk Tune Insurance Malaysia Berhad.

Nama : Izura Kamaruhaili

+603 2070 8033 ext 238(Pejabat)

+6012 2171 884 (Telefon Bimbit)

Alamat email : izura@oricap.com.my or, izura.kamaruhaili@tuneinsurance.com